

**BEBANAN KONTRAKTOR DALAM PENGGUNAAN SISTEM
TENDER ELEKTRONIK DI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

NOR WAHIDA SALWANI BT SALAH PIKRI

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2007

ABSTRAK

Perkembangan dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) telah menjadi satu medium penting kepada manusia untuk menjalani kehidupan seharian. Penerokaan ICT telah turut memberi peluang kepada banyak industri untuk menggunapakainya bagi memudahkan operasi kerja malah menjadikan teknologi ini sebagai satu medium untuk mengaut keuntungan. Sepertimana industri lain, industri binaan turut sama menggunakan teknologi ini sebagai satu cara baru dalam operasi. Ciri-ciri industri binaan sendiri yang melibatkan banyak peringkat dan memerlukan pelbagai proses dilalui, memerlukan penggunaan ICT sebagai pendekatan baru berbanding kaedah manual sebelum ini dapat membantu industri berkembang lebih cepat dan pesat. Salah satu peringkat dalam penghasilan produk binaan adalah peringkat pra pembinaan yang mana proses tender berjalan. Aplikasi ICT dalam proses ini dinamakan sistem tender elektronik (e-tender). Salah satu penggunaannya adalah kontraktor yang menghantar tawaran bagi memenangi tender yang dikeluarkan oleh klien. Pelaksanaan e-tender semestinya memerlukan pihak yang terlibat mengubah cara mereka bekerja dari kebiasaan kepada kaedah baru. Perubahan yang perlu dilakukan oleh mereka mungkin akan membawa tekanan dan bebanan. Kontraktor sebagai pengguna sistem ini semestinya mengalami situasi tersebut. Justeru itu, kajian bagi mengenalpasti kewujudan bebanan dalam penggunaan e-tender oleh kontraktor dijalankan dengan menggunakan kaedah yang sesuai. Temubual berstruktur dijadikan sebagai satu kaedah untuk mencapai objektif kajian dengan menggunakan pertemuan dan telefon sebagai medium mendapatkan maklumat. Beberapa bebanan daripada pelbagai aspek dapat dikenalpasti iaitu, fasiliti, kemahiran, masa, komunikasi, prosedur, psikologi dan kewangan. Kewujudan bebanan yang dialami oleh kontraktor ini seharusnya tidak menjadi satu faktor untuk menghentikan aplikasi e-tender sebaliknya ia menjadi satu petunjuk dalam menjadikan sistem tersebut lebih efisien dan memajukan industri binaan.

ABSTRACT

Development in information and communication technologies (ICT) has become one of the most important things in human life. This technologies invented by human gave opportunity to lots of industries for them to enhance their capability and also by using these technologies as medium to make more money. And even construction industry took the same initiative to push the industry go further, more simple and transparent. Since characteristic of construction industry involve many players through many stages, transformation from manual exercise to new technologies applications will be one of the best way to make construction field be better . Pre-construction stages are the most crucial stages to realize a construction project. One of the processes in this stage is tendering or procurement. Application of ICT in the process called e-tender which will need the users especially contractor to change the way they work and operate their operation. Not all of them could adopt this new changes and environment since they're used to old style for a long time before. Lots of efforts and changes required to ensure a good adaptation in using these new technologies. In silence, they may burden with the new applications and they may give bad impressions to the new system. Therefore, a research taken to recognize existence of encumbrance which burden contractor who use e-tender. Using suitable method to collect data and information will help researcher to achieve the objective. Interviews by telephone and in person method used by researcher as the best way to collect data. The respondent said there are seven aspect that burden them. Which are, facility, skills, time, communication, procedure, psychology, and financial. However, these burdens shouldn't be a reason to stop them using e-tender or even to implementation of e-tender but as a guideline to enhance e-tender in future also making construction industry more efficient and go further.